

02 MAR 1997

Mahathir-Memorandum

MEMORANDUM ANTARA ITM DAN MOFAZ BAGI GO-KART

LANGKAWI, 2 Mac (Bernama) -- Institut Teknologi Mara (ITM) dan Mofaz Motorsport Sdn Bhd hari ini menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bagi kerjasama penyelidikan, merekabentuk dan mengujilari go-kart.

Go-kart hasil kerjasama itu akan digunakan kelak dalam pendidikan perlumbaan dan perlumbaan Formula Satu.

Majlis menandatangani MoU yang berlangsung di Litar Lumba Go-kart Mofaz Motorsports di sini disaksikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berada di pulau peranginan ini untuk melepaskan para peserta peringkat ke-12 yang juga peringkat terakhir dalam perlumbaan basikal Le Tour de Langkawi petang ini.

ITM diwakili Pengerusinya Tan Sri Abdul Rahman Arshad manakala Mofaz Motorsports diwakili Presidennya Mohamed Fauzy Abdul Hamid.

Terdahulu, Dr Mahathir merasmikan perlumbaan "Asean Kart Prix I" di litar itu dengan memandu sebuah go-kart mengelilingi litar itu, setelah diperkenalkan kepada para peserta.

Sebelum itu, beliau melawat projek Lapang Sasar Antarabangsa Langkawi yang dalam pembinaan di Ulu Melaka.

Lapang sasarnya itu dibina oleh KLK Kontrekbina pada kos RM66.5 juta dan dijangka siap empat bulan lagi untuk digunakan bagi pertandingan menembak, khususnya semasa Sukan Komanwel tahun depan.

Selepas itu, Perdana Menteri meninjau projek pelabuhan kapal persiaran di Tanjung Mali sebelum ke projek Port Langkasuka Marina.

-- BERNAMA

MFJ PR